



Datuk Seri Mohd Shafie Apdal kini bergelar Ketua Menteri Sabah yang baharu.

# KINABALU BERGEGAR

**K**ekalahan dan prestasi buruk BN di negeri Sabah pada PRU-14 merupakan keputusan yang amat sukar untuk diterima oleh kepimpinan BN, khususnya kepimpinan pada peringkat negeri Sabah. Semenjak pilihan raya umum 2008 dan 2013, Sabah (termasuk juga Sarawak), telah dilabelkan sebagai “benteng terakhir” untuk BN terus kekal berkuasa. Banyak penganalisis berpendapat bahawa keputusan PRU-12 dan PRU-13 di Sabah dan Sarawak, merupakan penyelamat kepada kelangsungan kuasa politik BN. Ekoran daripada itu, khususnya di pihak BN, Sabah dan Sarawak telah dilabelkan sebagai “simpanan tetap” kesan daripada sokongan majoriti yang diberikan oleh pengundi di kedua-dua buah negeri tersebut kepada BN. Dalam erti kata lain, secara sosiologinya, pengundi di Sabah dan Sarawak telah dikategorikan sebagai kubu terakhir dalam konteks kelangsungan politik BN.

Makalah ini ditulis bagi memahami secara struktural dan sosiologi, bagi sebuah negeri (Sabah) yang pengundinya dilabelkan sebagai “simpanan tetap” terhadap kelangsungan kuasa politik BN di Malaysia, telah melakukan suatu keputusan yang pada pandangan pihak kepimpinan BN adalah sesuatu yang tidak dijangkakan. Adakah benar penolakan pengundi Sabah terhadap BN pada PRU-14 merupakan suatu fenomena yang tidak dijangkakan? Atau

keputusan PRU-14 hanya suatu keputusan yang sebenarnya bersifat “retak menanti belah” atau juga yang bersifat “api di dalam sekam” yang gagal difahami oleh kepimpinan BN itu sendiri? Persoalan tersebut diusulkan berasaskan pada dua perkembangan sosiopolitik yang wujud pasca PRU-12 dan 13, iaitu label Sabah sebagai “simpanan tetap” kepada kelangsungan politik BN telah mencetuskan krisis kepimpinan dalam kalangan pemimpin BN khususnya antara kepimpinan BN Sabah dengan kepimpinan BN pada peringkat pusat; iaitu merujuk kepada pemecatan Datuk Seri Mohd Shafie Apdal sebagai Naib Presiden UMNO dan keduanya, kemunculan gerakan yang disebut sebagai “Agenda Borneo” yang dipimpin oleh pemimpin-pemimpin politik Sabah di luar lingkungan BN bagi memperjuangkan tuntutan sosiopolitik berpaksikan kerangka federalisme. Kedua-dua perkembangan tersebut yang muncul dalam ruang politik Sabah khususnya sekitar tahun 2013, kemudiannya ditambah dengan perkembangan semasa sosiopolitik persekutuan sehingga berlangsungnya PRN 2016 Sarawak yang dilihat telah mengancam dan menggugat label Sabah sebagai “simpanan tetap” kepada kelangsungan politik BN.

## Landskap Politik Sabah

Secara mekanikalnya, jumlah kerusi Dewan Rakyat yang terdapat di negeri Sabah mewakili 11.3 peratus (25 kerusi)

daripada jumlah keseluruhan kerusi Dewan Rakyat (222 kerusi). Bilangan kerusi yang terdapat di peringkat Dewan Undangan Negeri (DUN) Sabah pula mewakili 10.4 peratus (60 kerusi) daripada jumlah keseluruhan kerusi DUN yang terdapat di seluruh negara yang berjumlah sebanyak 505 kerusi. Pada PRU-13 (2013), daripada 133 kerusi Dewan Rakyat yang dimenangi oleh BN, 22 kerusi atau 16.5 peratus mewakili kerusi yang dimenangi di negeri Sabah, manakala daripada sejumlah 275 kerusi DUN yang dimenangi oleh BN di seluruh negara, memperlihatkan Sabah menjadi penyumbang yang paling besar, iaitu sejumlah 48 buah kerusi atau 17.4 peratus.

Bagi PRU-14 di Sabah pada kali ini, seramai 97 orang calon bertanding bagi merebut 25 kerusi Parlimen, dan kerusi DUN sebanyak 252 orang. BN melalui komponen parti UMNO meletakkan seramai 14 orang calon, iaitu Parti Bersatu Sabah (PBS) 5 orang, Parti Liberal Demokrat (LDP) 1 orang, Parti Organisasi Bersatu Pasok-Kadazan (UPKO) 5 orang dan Parti Bersatu Rakyat Sabah (PBRS) 1 orang untuk kerusi parlimen, manakala untuk kerusi DUN, BN melalui UMNO meletakkan seramai 32 orang; PBS 13, UPKO 6, LDP 3, Parti Gerakan dan MCA masing-masing 2 orang calon, sementara PBRS hanya meletakkan 1 orang calon sahaja.

Sementara pihak pembangkang pula yang terdiri daripada tiga kelompok parti untuk kerusi Parlimen, iaitu Pakatan Harapan meletakkan seramai 10 orang calon, Parti Warisan 16 orang, Parti Islam Se-Malaysia (PAS) mencalonkan 8 orang; Gabungan Sabah iaitu (STAR, Parti Harapan Rakyat Sabah (PHRS), Parti Perpaduan Rakyat Sabah (PPRS), Parti Cinta Sabah (PCS) dan Parti Anak Negeri (ANAK) meletakkan 32 orang calon. Terdapat 3 orang calon BEBAS yang bertanding merebut kerusi Parlimen. Bagi perebutan kerusi DUN pula, parti-parti pembangkang telah menyenaraikan calon masing-masing seperti berikut, iaitu WARISAN 44 calon, PKR 9 calon, DAP 7 calon, AMANAH 1 calon, STAR 20 calon, SAPP 5 calon, PPRS 8 calon; PHRS 27 calon; PAS 18 calon, PCS 18 calon, ANAK 9 calon, Parti Kebangsaan Sabah (PKS) 15 calon, Parti Kebangsaan Sabah Bersatu (USNO) 2 calon, dan calon BEBAS seramai 9 calon.

Dengan jumlah calon yang begitu banyak bertanding bagi merebut sama ada kerusi Parlimen ataupun DUN, PRU-14 di Sabah menyaksikan persaingan lebih daripada dua penjuror bagi setiap kerusi pilihan raya kecuali di kerusi Parlimen Sandakan dan di dua kerusi DUN, iaitu Senallang dan juga Elopura. Situasi ini menurut

pandangan penganalisis (sebelum keputusan diumumkan), dijangkakan bakal memberikan kelebihan kepada BN. Walau bagaimanapun berdasarkan pada perkembangan semasa, menurut sesetengah pemerhati, situasi tersebut belum menjamin apa-apa kelebihan kepada BN.

Dari sudut sosiologi dan sejarah, Sabah merupakan antara entiti politik utama bersama-sama Persekutuan Tanah Melayu, Sarawak dan Singapura membentuk Persekutuan Malaysia pada 16 September 1963. Janji "pembangunan" adalah antara asas persetujuan Sabah untuk sama-sama membentuk Persekutuan Malaysia. Oleh itu, dalam konteks perhubungan persekutuan yang disebut dalam pelbagai bentuk gambaran seperti Kuala Lumpur-Kota Kinabalu; atau KK-Federal; atau lebih kerap disebut Negeri-Pusat; isu yang sering berlegar dan menjadi percaturan serta formulasi yang hangat ialah isu pembangunan. Malah, semenjak pembentukan persekutuan Malaysia, bermula daripada PRU tahun 1964 sehinggalah kepada PRU-14, isu dan wahana pembangunan merupakan modal politik yang diketengahkan oleh setiap parti politik yang ingin "menguasai" Sabah, sama ada yang dimanifestasikan dalam bentuk manifesto pilihan raya mahupun ucapan di pentas ceramah politik pilihan raya.

### Sabah dan "Agenda Borneo" PRU-14

Sebagaimana yang telah dinyatakan secara sepintas lalu pada awal perbincangan, kesan daripada "tsunami politik" yang melanda hegemoni politik BN sewaktu PRU-12 dan 13, menyebabkan peranan BN di Sabah dan Sarawak sebagai penyelamat kepada kelangugan *status quo* BN telah mencetuskan krisis kepimpinan terhadap kepimpinan politik BN. Kepimpinan BN Sabah telah memberikan tekanan politik kepada kepimpinan pusat agar mereka diberikan kedudukan yang setimpal seiring dengan "sumbangan" Sabah dalam mengekalkan *status quo* BN sewaktu PRU-12. Anifah Aman, Ghafur Salleh, dan juga Benard Dompok merupakan beberapa pimpinan politik BN Sabah yang lantang mendesak kepimpinan BN Pusat. Menurut mereka, berdasarkan kepada perkembangan semasa politik negara, adalah wajar kepimpinan politik BN Sabah diberikan peranan yang lebih konstruktif berbanding sebelumnya dalam pentadbiran negara, khususnya dalam menganggotai kabinet kerajaan.

Malah dalam proses desakan tersebut, wujud tekanan bersifat ekstrem terhadap kepimpinan BN pusat, apabila

dikatakan wujud sebilangan besar kepimpinan politik BN Sabah akan menyertai pakatan pembangkang yang diketuai oleh Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika itu. Suasana krisis politik kepimpinan BN pasca PRU-12 memberikan "kelebihan politik" kepada kepimpinan politik BN Sabah untuk mengutarakan "permintaan politik" yang dilihat berpihak kepada mereka dari sudut strukturalnya. Bagi tujuan meredakan "ribut dalam cawan" dalam kepimpinan politik BN dan juga mengimbangi agenda "Menawan Putrajaya" oleh Pakatan Rakyat (PR), kabinet kerajaan BN pasca PRU-12 majoritinya dianggotai oleh pemimpin politik BN dari Sabah dan Sarawak. Langkah yang diambil oleh kepimpinan BN Pusat ternyata dapat menyelesaikan krisis politik dalam BN.

Namun begitu, tindakan tersebut hanyalah jalan penyelesaian yang bersifat pengurusan krisis dalaman BN semata-mata. Desakan politik yang bersifat di luar lingkaran kepimpinan politik BN yang digerakkan oleh kepimpinan sosiopolitik masyarakat Sabah secara menyeluruh di bawah gerakan "Agenda Borneo" muncul bagi menyaingi dan menggugat hegemoni politik BN bukan sahaja di Sabah tetapi juga di Sarawak. Agenda Borneo dijadikan satu bentuk desakan politik kepimpinan Sabah yang sangat berkait dan simbiosis dengan persoalan Sabah dalam Persekutuan Malaysia. Desakan politik di bawah payung "Agenda Borneo" turut mendapat sokongan daripada kepimpinan politik PR pada peringkat nasional. Misalnya, Timbalan Presiden PKR, Azmin Ali, menyatakan bahawa sekiranya Pakatan Harapan (PH) berjaya memenangi PRU-14, status autonomi penuh akan diberikan kepada Sabah dan Sarawak.

Bagi menyatakan betapa Agenda Borneo ialah desakan politik yang konstruktif dalam kalangan kepimpinan sosiopolitik masyarakat Sabah-Sarawak, pada Disember 2011, Jeffrey Kitingan, iaitu Presiden Parti STAR (Parti Reformasi Negeri) mengisytiharkan pembentukan Pakatan Bersatu Borneo (United Borneo Alliance @ UBA), iaitu gabungan parti pembangkang tempatan Sabah dan Sarawak serta organisasi sivil kedua-dua buah negeri. Pembentukan UBA disifatkan sebagai "enjin" bagi merealisasikan Agenda Borneo, khususnya tuntutan autonomi politik penuh bagi Sabah dan Sarawak, sebagaimana yang termaktub dalam Perjanjian Persekutuan Malaysia 1963. Desakan politik di bawah terma Agenda Borneo yang digerakkan oleh UBA menjadi semakin "sensitif" apabila Jeffrey Kitingan mengetengahkan isu pemisahan Sabah dan Sarawak

daripada Persekutuan Malaysia melalui cadangan pembentukan negara Borneo-Malaysia.

Dalam erti kata lain, Agenda Borneo yang digerakkan oleh UBA merupakan satu bentuk bahan penawaran dalam konteks perkembangan politik di Sabah dan Sarawak menjelang PRU-14. Selain itu, hal tersebut merupakan modal politik utama kepimpinan politik tempatan di Sabah dan Sarawak bagi menggerakkan sokongan pengundi tempatan dalam PRU-14. Dalam konteks dan perkembangan politik Sabah di bawah Agenda Borneo dan Sabah sebagai "simpanan tetap" untuk BN, PRU-14 di Sabah telah mengambil tempatnya.

### Simpanan Tetap dan "Agenda Borneo"

PRU-14 menyaksikan 60 buah kerusi DUN dipertandingkan. Bagi pemilihan kerusi DUN Sabah, pilihan raya 2018 merupakan pilihan raya pemilihan DUN yang ke-13. Dewan Undangan Negeri telah dibubarkan pada 7 April 2018 seiring dengan pengumuman pembubaran Dewan Rakyat yang telah diumumkan oleh Datuk Seri Najib Razak pada hari yang sama. Bagi kerusi Dewan Rakyat untuk negeri Sabah, pengundi di negeri Sabah bakal memilih wakil bagi 25 buah kerusi pada peringkat persekutuan. Sebagaimana yang telah dinyatakan secara ringkas pada bahagian awal perbincangan, sewaktu PRU-13, BN memenangi 48 buah kerusi DUN daripada 60 buah kerusi yang dipertandingkan, manakala 12 kerusi DUN dimenangi oleh Parti DAP (7) dan PKR (5). Namun, tiga tahun selepas PRU-13, krisis dalaman UMNO menyaksikan salah seorang pemimpin kanan UMNO, iaitu Datuk Seri Mohd Shafie Apdal yang juga merupakan Ahli Parlimen Semporna, bersama-sama dengan sebilangan besar ahli parti UMNO Bahagian Semporna telah bertindak keluar parti ekoran daripada hukuman pemecat sebagai ahli UMNO yang dikenakan ke atas beliau. Serentak dengan itu juga, beliau telah bertindak menubuhkan Parti WARISAN. Perkembangan ini, dalam banyak aspek memberikan gambaran dan implikasi yang hebat terhadap UMNO Sabah, khususnya dari sudut kesepaduan parti UMNO Sabah itu sendiri. Slogan "Sabah-Ubah" yang dicanangkan oleh parti tersebut dilihat mendapat dukungan yang kuat daripada majoriti akar umbi masyarakat Sabah.

Slogan "Sabah-Ubah", secara sosiologinya bukanlah sebuah slogan yang baharu dalam kalangan masyarakat Sabah itu sendiri. Sebelum pembentukan WARISAN, slogan yang hampir sama telah pun mengambil tempat dalam konteks perkembangan politik di negeri Sabah.

Slogan seumpamanya seperti "Sabah untuk Sabah", "Hak-Sabah", "Impian Sabah" dan juga "Hak-Borneo" telah berlegar dalam ruang minda masyarakat Sabah semenjak PRU-13. Misalnya, sebuah organisasi bukan kerajaan yang dinamakan sebagai Gerakan Sabah-Sarawak Keluar Malaysia (GSSKM) telah diwujudkan semenjak enam tahun yang lalu. Kesemua slogan yang diperjuangkan oleh Parti WARISAN, UBA semenjak tahun 2014, ataupun juga oleh GSSKM seawal pertengahan tahun 2012 merupakan manifestasi terhadap tuntutan hak masyarakat Sabah dalam konteks perkembangan dan pembangunan sistem federalisme Malaysia itu sendiri yang disononimkan dengan agenda Borneo seperti yang telah dinyatakan sebelum ini. Oleh itu, slogan dan agenda atau modal politik yang diluncurkan oleh WARISAN yang diketuai oleh Datuk Seri Mohd Shafie Apdal bukanlah sesuatu yang baharu dalam konteks minda politik masyarakat Sabah.

Maka, bagaimanakah slogan-slogan tersebut begitu mendapat tempat dan memperoleh sokongan yang padu daripada pengundi-pengundi Sabah pada PRU-14 yang lalu? Mungkinkah kerana didukung oleh personaliti politik Datuk Seri Mohd Shafie Apdal dengan sokongan kuat oleh parti pembangkang yang lain seperti DAP, PKR, Gabungan Sabah (GS) dan parti pembangkang Sabah yang lain? Atau adakah disebabkan peningkatan kesedaran politik (literasi politik) dalam kalangan pengundi Sabah terhadap persoalan hak Sabah dalam konteks sistem federalisme Malaysia? Bagaimanakah kita hendak memahami semua persoalan tersebut dalam konteks keputusan PRU-14 bagi negeri Sabah?

Secara saintifiknya, keputusan PRU-14 negeri Sabah mesti difahami dalam konteks dimensi sosiologi yang bersifat longitudinal. Berdasarkan catatan lapangan yang dibuat terhadap kalangan kelas pertengahan Sabah, rata-ratanya berpendapat semenjak terbentuknya Persekutuan Malaysia, sektor ekonomi Sabah telah mengalami kadar pertumbuhan yang pesat dengan keadaan inflasi yang terkawal. Ekonomi Malaysia mencatat kadar pertumbuhan ekonomi yang agak pesat, iaitu pada kadar 6.7 peratus setahun dalam tempoh pelaksanaan DEB. Dalam tempoh 1991-1997 pula, ekonomi Malaysia mencatatkan kadar pertumbuhan purata yang lebih tinggi, iaitu 8.5 peratus setahun. Sementara dalam tempoh 1998-2004, pertumbuhan ekonomi Malaysia mengalami sedikit penurunan, iaitu tumbuh pada kadar 5.5 peratus setahun.

Kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia bagi tempoh 2005-2012, berdasarkan pada prestasi semasa yang dilihat kekal pada kadar empat hingga lima peratus

setahun. Seiringan dengan pertumbuhan pesat ekonomi Malaysia, ekonomi Sabah juga turut mencatatkan kadar pertumbuhan yang agak tinggi. Ekonomi Sabah, bagi tempoh 1972-1980 tumbuh pada kadar 7.8 peratus setahun (berbanding dengan 8.4 peratus bagi seluruh Malaysia). Bagi tempoh 1981-1990 pula, pertumbuhan ekonomi Sabah berdasarkan rekod yang dinyatakan berkembang pada kadar 6.2 peratus setahun. Walau bagaimanapun dalam tempoh 1991-1996, kadar pertumbuhan ekonomi Sabah merosot dengan ketara, iaitu hanya 3.4 peratus setahun. Semenjak itu sehinggalah pada tempoh masa pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-10 (2011-2015), kadar pertumbuhan ekonomi Sabah hanya tumbuh dan berkembang pada kadar tiga hingga empat peratus setahun. Kadar pertumbuhan ekonomi Sabah yang lebih rendah ini menyebabkan kadar pengangguran dan kemiskinan di negeri Sabah adalah lebih tinggi daripada kadar keseluruhan bagi seluruh Malaysia.

Berdasarkan laporan separuh penggal Rancangan Malaysia ke-9 menunjukkan bahawa kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar di Sabah ialah masing-masing pada paras 23 peratus dan 6.5 peratus pada tahun 2004. Walaupun wujud usaha pembasmian kemiskinan yang dijalankan oleh pihak pemerintah negeri pada tahun 2007 bagi mengurangkan kadar kemiskinan dan kemiskinan tegar, namun kadar penurunan yang dicatatkan adalah masih jauh lebih tinggi berbanding dengan kadar dan aras kemiskinan pada peringkat persekutuan keseluruhannya. Situasi ini telah menimbulkan kegelisahan dalam kalangan masyarakat Sabah keseluruhannya dan khususnya dalam kalangan komuniti intelektual kelas pertengahan Sabah. Menurut mereka, secara logiknya Sabah tidak seharusnya direkodkan atau dirakamkan sebagai sebuah negeri yang mempunyai kadar pertumbuhan ekonomi yang rendah serta kadar kemiskinan yang tinggi berbanding dengan negeri-negeri lain dalam Persekutuan Malaysia. Asas kepada logik yang diutarakan adalah mudah, iaitu Sabah merupakan antara negeri dalam Persekutuan Malaysia yang dianugerahkan dengan sumber kekayaan alam sama ada di darat mahupun di laut yang bukan sahaja berkuantiti, malah sangat berkualiti tinggi sifatnya. Maka, menurut mereka lagi adalah sesuatu yang sukar untuk diterima bahawa dalam rekod Laporan Tahunan Pertumbuhan Ekonomi Malaysia, Sabah adalah antara negeri yang miskin, malah dalam Laporan Pertumbuhan Ekonomi Tahun 2016, Sabah merupakan negeri yang paling miskin dalam Persekutuan Malaysia.

Isu ini menjadi semakin sukar untuk diterima oleh kalangan kelas intelektual Sabah apabila menyentuh perihal kualiti hidup di Sabah. Tidak dinafikan sama sekali bahawa semenjak persetujuan Sabah untuk membentuk Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, secara umumnya purata pendapatan dan taraf hidup masyarakat Sabah daripada pelbagai latar etnik dan agama menunjukkan peningkatan hasil pertumbuhan ekonomi negara yang berterusan. Sungguhpun begitu, kemajuan dan kualiti kehidupan yang dicapai oleh Sabah berbanding dengan wilayah lain dalam Persekutuan Malaysia masih agak ketinggalan. Misalnya, dengan mengambil contoh kemudahan yang paling asas, iaitu jalan raya, berdasarkan laporan statistik pembangunan jalan raya Malaysia tahun 2015, Sabah merupakan negeri yang mempunyai rangkaian jalan raya bertaraf tinggi di Malaysia.

Sementara kualiti hidup penduduk di semua negeri di Malaysia didapati bertambah baik, namun terdapat perbezaan yang nyata dari segi pencapaian bagi negeri Sabah untuk tempoh 50 tahun yang lalu. Pernyataan ini dapat dilihat dan dinilai oleh semua pihak dengan meneliti laporan petunjuk sosioekonomi bagi setiap negeri di Malaysia yang direkod dan dicatatkan dalam setiap laporan tahunan bagi Rancangan Pembangunan Malaysia. Misalnya, kadar celik huruf di Sabah adalah jauh lebih rendah berbanding dengan kadar celik huruf di setiap negeri dalam Persekutuan Malaysia, iaitu 78.4 peratus bagi Sabah, sementara 89.3 peratus bagi seluruh negara. Demikian juga dalam konteks kadar kematian bayi di Malaysia, Sabah merupakan negeri yang mencatatkan kadar kematian yang tinggi bagi setiap 1000 kelahiran di Malaysia. Isu-isu yang dilakarkan di atas merupakan antara elemen atau bahan kempen yang paling hangat diperkatakan dalam konteks PRU-14 Sabah. Jika diamati, kesemua isu tersebut terkandung dengan jelas dalam desakan politik Agenda Borneo yang dipelopori oleh UBA dan GSSKM semenjak tahun 2012.

Sementara di pihak BN, agenda kempen yang diketengahkan ialah persoalan pembangunan dan Sabah-Maju dalam Malaysia. Dengan erti kata lain, agenda kempen PRU-14 BN bagi negeri Sabah merupakan agenda berterusan politik pembangunan. BN percaya modal kempen politik-pembangunan bakal menarik sokongan pengundi Sabah untuk mengundi calon parti tersebut. Pendekatan kempen Sabah-Ubah dan Agenda Borneo yang dipelopori oleh pembangkang berfalsafah bahawa Sabah dalam konteks Persekutuan Malaysia selepas

50 tahun pembentukannya masih terpinggir, tempang dan dimanipulasikan oleh elit politik BN. Manakala, di pihak BN, Sabah dalam konteks Persekutuan Malaysia memerlukan agenda pembangunan berterusan yang hanya dipelopori oleh parti tersebut dan memiliki sejarah pengurusan negara yang sudah terbukti.

Keputusan PRU-14 Sabah jelas menunjukkan penolakan yang kuat daripada masyarakat Sabah terhadap kegagalan kepimpinan BN untuk menyelesaikan pelbagai aspek hak Sabah dalam Persekutuan Malaysia. Secara mekanikalnya daripada 60 buah kerusi DUN yang dipertandingkan, BN telah berjaya memenangi 29 kerusi DUN, manakala pembangkang Sabah yang dipelopori oleh Parti WARISAN memenangi 21 kerusi, PKR 2 kerusi, DAP 6 kerusi, dan STAR 2 kerusi. Manakala untuk kerusi Parlimen pula, setelah keputusan dimuktamadkan, BN memenangi 10 kerusi, parti WARISAN 8, PKR 3, DAP 3 dan STAR 1. ADUN daripada UMNO juga telah bersamasama Shafie menjadikan kerusi yang dimiliki oleh WARISAN kini sebanyak 35.

Apakah yang dapat kita rungkaikan daripada statistik keputusan PRU-14 Sabah yang menyaksikan negeri dengan jolokan sebagai "simpanan tetap" bagi BN telah mengalami kekalahan? Secara umumnya sebagaimana yang telah diujikan bahawa hegemoni atau dominasi BN semenjak lapan tahun yang lalu adalah semakin terhakis. Tidak dinafikan masyarakat Sabah hampir 65 peratus masih merupakan masyarakat luar bandar yang bergantung pada sistem agrarian sebagai sumber pendapatan. Namun, kepesatan pemodenan yang digerakkan oleh teknologi maklumat tidak terpisah daripada ruang minda dan akal budi mereka terhadap sistem politik yang merupakan sebahagian daripada kehidupan mereka. Perubahan dan perkembangan semasa politik Malaysia semenjak tahun 1999, secara sosiologinya juga turut memberikan kesan kepada tingkah laku politik mereka. Literasi politik yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat Sabah berhubung dengan keberadaannya mereka adalah jelas merupakan faktor utama kekalahan dan penolakan terhadap kepimpinan politik BN pada PRU14 yang lalu. Oleh hal yang demikian, makalah ini menghujahkan bahawa, kekalahan BN di Sabah bukan kerana kekuatan struktural yang ada pada parti pembangkang, malah kesan daripada perubahan budaya politik dalam kalangan pengundi Sabah itu sendiri. Perubahan ini pula telah diterjemahkan melalui kotak undi pada 9 Mei 2018 yang lalu. 🗳️